

20 JAN 2001

Mahathir-Pesawat

SYARIKAT ASIA MAMPU BINA PESAWAT, KATA DR MAHATHIR

Oleh: D.Arul Rajoo

OSAKA, 20 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata syarikat-syarikat Asia boleh mencipta pesawat terbang yang setanding dengan apa yang dihasilkan oleh Boeing dan Airbus kerana mereka mempunyai keupayaan dan teknologi tinggi.

Katanya cadangan seumpama itu perlu diberi perhatian dan dikaji manfaatnya memandangkan negara-negara Asia seperti Malaysia sudahpun pun berkecimpung dalam bidang aeroangkasa manakala Jepun mampu mengeluarkan pelbagai barangan canggih.

"Cadangan mereka ialah untuk mencipta kapal terbang kumpulan sederhana untuk kegunaan masa depan, saya yakin lebih ramai orang akan gunakan kapal terbang di masa depan dan kita perlu sistem pengangkutan yang murah," katanya pada sidang media dengan wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan beliau ke Jepun.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan Governor Tokyo Shintaro Ishihara semasa telesidang rakaman forum Fuji Television Network yang turut disertai Dr Mahathir dan dua lagi anggota panel.

Ishihara mencadangkan supaya bandaraya-bandaraya Asia bekerjasama mencipta kapal terbang agar tidak terlalu bergantung kepada Boeing dan Airbus yang kini memonopoli industri pembuatan kapal terbang.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia sedia menjadi punca pembekal sumber bagi industri besar seperti elektronik dan penerbangan serta menerima industri-industri kecil Jepun yang mahu berpindah ke Malaysia.

Sebagai contohnya terdapat hampir 5,500 industri kecil di daerah Ota di Tokyo yang menghasilkan pelbagai barangan, termasuk komponen roket dan kapal terbang tetapi kini menghadapi masalah kekurangan pekerja.

"Ia biasanya dimiliki individu-individu, kadang-kadang dua tiga pekerja sahaja. Kini banyak masalah kerana anak-anak mereka tidak berminat meneruskan industri ini," kata beliau.

Dr Mahathir berkata industri-industri yang sesuai boleh dipindahkan ke Malaysia sebagai industri sokongan kerana mereka tidak mengeluarkan barangan untuk kegunaan pengguna.

"Kita sudah ada vendor untuk Proton. Mungkin kita boleh bekalkan kepada industri elektronik atau penerbangan seperti pelbagai jenis kelengkapan dan meter...ini syarikat-syarikat besar tak buat tapi outsource (membekalkan sumber)," katanya.

Mengenai lawatan beliau ke kilang pengeluaran panel Paparan Cecair Kristal (LCD) Sharp Corporation di bandaraya Tenki, Perdana Menteri berkata beliau telah meminta syarikat itu menambah pelaburan mereka di Malaysia.

Katanya Sharp kini menyumbang hampir enam peratus daripada jumlah eksport Malaysia dan sebarang peningkatan pelaburan akan pasti meningkatkan prestasi ekonomi negara.

Ditanya reaksi Sharp terhadap pelawaan beliau supaya mereka membuka kilang pengeluaran panel LCD yang berteknologi tinggi itu di Malaysia, Dr Mahathir berkata mereka belum memberi kata putus.

"Saya yakin lambat laun mereka akan guna Malaysia sebagai tempat keluaran barangan berteknologi tinggi. Sekarangpun mereka keluarkan TV paparan rata dan banyak lagi barangan canggih di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir yang turut melawat Osaka Electro-Communication University yang terkenal sebagai pusat multimedia berkata, beliau berharap universiti itu akan bekerjasama dengan Universiti Multimedia di Cyberjaya untuk

meningkatkan keupayaan pelajar-pelajar Malaysia di bidang teknologi maklumat.

-- BERNAMA

AR RON